

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**RDG 333 – Rekabentuk Dalaman**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Jawab **TIGA** soalan dari **Bahagian A** dan **Bahagian B** adalah **WAJIB**.

(Jawapan Bahagian B dimuatkan di dalam kertas kartrij A3 yang disediakan).

**Bahagian A (Jawab TIGA soalan sahaja)**

1. Berdasarkan kenyataan perangkaan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), sejumlah 40% bangunan yang dihuni di cemari pengudaraan dalaman justeru menghadapi risiko kesihatan. Di samping itu, laporan Agensi Perlindungan Persekitaran (EPA) mendedahkan pencemaran udara dalaman pada masa sekarang dianggarkan purata 2 hingga 10 kali ganda lebih tercemar dari udara di luar bangunan. 20% penghuni/pekerja dilaporkan mengalami beberapa penyakit serta alergi akibat dari kualiti udara dalaman (IAQ) yang buruk.

- (a) Huraikan apakah faktor-faktor yang memberi impak ke atas Kualiti Udara Dalaman (IAQ)?
- (b) Nyatakan dengan ringkas strategi-strategi meningkatkan Kualiti Udara Dalaman.

(25 markah)

2. Anda telah di lantik oleh pihak pengurusan Pelancongan Danau Toba International Hotel, Medan untuk mengubahsuai ruang lobi hotel seluas 5000 k.p.s. bagi mengindahkan dan menaiktarafkan kemudahan sedia ada.

Terangkan kaedah serta opsyen-opsyen mengcaj bayaran khidmat perundingan yang boleh anda tawarkan kepada pihak berkenaan?

(25 markah)

3. Jurureka Dalaman berperanan mengajukan bahan binaan yang selamat untuk digunapakai kepada konsumer. Pilih **SATU** bahan binaan yang boleh dijadikan bahan pilihan di dalam kemasan ruang dalaman dan huraikan perkara berikut:-

- (a) Potensi bahan tersebut sebagai bahan kemasan
- (b) Adakah penggunaan kemasan tersebut selamat diguna dan mesra alam?
- (c) Peranan bahan tersebut di dalam pemeliharaan alam persekitaran.

(25 markah)

4. Huraikan perkara-perkara penting yang perlu dititikberatkan oleh jurureka di dalam mengurus tadbir fasa jadual kerja berikut. Pilih **LIMA** sahaja.

- Temubual Klien
- Menyemak pelan, meneliti undang-undang bangunan dan mengukur ruang.
- Mengadakan sesi rundingan bersama arkitek, kontraktor dan jururunding berkaitan.
- Mencatat inventori ruang, struktur bangunan, kelengkapan dan perabot sedia ada.
- Menyediakan cadangan awal rekabentuk secara skematik.
- Menyediakan cadangan awal anggaran kos.
- Menyediakan rekabentuk perabotan bina-muat (built-ins).
- Menyediakan cadangan awal spesifikasi rekabentuk.
- Memilih aksesori dan perhiasan.
- Menerima kelulusan awal cadangan rekabentuk daripada klien.
- Menyemak cadangan akhir rekabentuk dan perancangan ruang serta aturan perabot.
- Menyediakan lukisan terperinci pembinaan.
- Menyediakan bod sampel warna dan bahan kemasan.
- Menyediakan persembahan lukisan perspektif /3D /model dsb.
- Menerima kelulusan akhir cadangan rekabentuk daripada klien.
- Menempah barangan serta perkakas.
- Meneliti jualbeli, kaedah pembinaan serta pemasangan.
- Menyelenggara serta memantau kerja-kerja pemasangan kemasan dan perabot.
- Siap untuk dihuni dan penyerahan kunci kepada klien.

(25 markah)

5. Kesan rekaan bangunan serta ruang dalaman ternyata mempengaruhi cara hidup, cara bekerja, cara berfikir maupun luahan perasaan manusia amnya.

- (a) Apakah ciri-ciri 'organik' yang terdapat pada rumah Melayu tempatan dan rumah batak karo Sumatra.
- (b) Buat perbandingan di antara kedua-dua rumah tersebut daripada segi :-
  - ciri ruang dalaman
  - aplikasi penggunaan warna & pola hiasan

(25 markah)

6. Kebanjiran pengaruh luar trend rekaan maupun produk-produk komponen kemasan telah memberi impak kepada industri rekaan dan konsumer tempatan. Huraikankan apakah implikasi pengaruh tersebut kepada hal berikut:-
- Industri pembuatan bahan binaan tempatan;
  - Budaya serta identiti tempatan;
  - Industri bahan kemasan seperti buluh, rotan, mengkuang, ukiran dan produk-produk kraf yang berkaitan;

(25 markah)

**BAHAGIAN B: WAJIB.** (Sila muatkan jawapan di dalam kertas kartij A3 yang disediakan)

7. Pendekatan rekaan ruang niaga runcit (retail) adalah berbeza dengan ruang-ruang dalaman yang lain kerana ia mengutamakan penjanaan jualan. Keberkesanan jualan terletak kepada kebijaksanaan jurureka merancang persembahan tatatur barangan serasi dengan perlakuan pembeli.
- (a) Berskalakan 1:50 atau 1:75, lakarkan pelan tatatur ruang niaga runcit dengan keluasan 1000 k.p.s. sebagai contoh pilihan bagi menjelaskan pertalian hiraki ruang dengan bantuan kajian matrik kedekatan (adjacency).
- (b) Tandakan di dalam lakaran di atas zon pembelian tidak dirancang dan zon pembelian terancang.

(25 markah)